



14 April 2014
14 April 2014
P.U. (A) 103

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PEMBAYARAN DAN ADJUDIKASI INDUSTRI PEMBINAAN 2014

CONSTRUCTION INDUSTRY PAYMENT AND ADJUDICATION REGULATIONS 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMBAYARAN DAN ADJUDIKASI INDUSTRI PEMBINAAN 2012

PERATURAN-PERATURAN PEMBAYARAN DAN ADJUDIKASI INDUSTRI
PEMBINAAN 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 39 Akta Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2012 [*Akta 746*], Menteri, selepas menimbangkan syor Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (PTSKL), membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 April 2014.

Tanggungjawab PTSKL

2. PTSKL bertanggungjawab, mengikut arahan dasar daripada Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal undang-undang—

- (a) untuk menyenggara daftar Panel Adjudikator PTSKL;
- (b) untuk menentukan kod kelakuan bagi adjudikator;
- (c) untuk menyediakan latihan dan menjalankan peperiksaan bagi adjudikator;
- (d) untuk menentukan fi bagi perkhidmatan dan perbelanjaan adjudikator;
- (e) untuk menerima dan memegang apa-apa fi dan perbelanjaan yang didepositkan oleh pihak-pihak dalam pertikaian bagi pihak seseorang adjudikator.

Panel Adjudikator PTSKL

3. (1) PTSKL hendaklah menyenggara daftar Panel Adjudikator PTSKL.

(2) PTSKL boleh mengeluarkan nama dan butir-butir lain adjudikator daripada Panel Adjudikator PTSKL jika—

(a) adjudikator itu membuat permohonan secara bertulis supaya namanya dikeluarkan daripada Panel Adjudikator PTSKL; atau

(b) adjudikator itu terhenti daripada memenuhi piawaian kewibawaan dan kriteria sebagai adjudikator sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 4.

(3) Bagi maksud perenggan (2)(b), PTSKL hendaklah memberitahu adjudikator sebelum nama dan butir-butir lain adjudikator itu dikeluarkan daripada Panel Adjudikator PTSKL.

Piawaian kewibawaan dan kriteria adjudikator

4. Piawaian kewibawaan dan kriteria seseorang adjudikator adalah seperti yang berikut:

(a) adjudikator itu mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya tujuh tahun dalam industri pembangunan dan pembinaan di Malaysia atau apa-apa bidang lain yang diiktiraf oleh PTSKL;

(b) adjudikator itu ialah pemegang Sijil Adjudikasi daripada suatu institusi yang diiktiraf oleh Menteri;

(c) adjudikator itu bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan; dan

(d) adjudikator itu tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah di dalam atau di luar Malaysia.

Pelantikan adjudikator

5. (1) Bagi maksud pelantikan seseorang adjudikator oleh pihak-pihak dalam pertikaian di bawah seksyen 22 Akta, pihak yang menuntut hendaklah memberitahu adjudikator yang hendak dilantik secara bertulis dan memberikannya suatu salinan notis adjudikasi.

(2) Bagi maksud pelantikan seseorang adjudikator oleh Pengarah PTSKL di bawah seksyen 23 Akta, pihak-pihak dalam pertikaian hendaklah membuat permintaan bertulis kepada Pengarah PTSKL.

(3) Apabila menerima permintaan bertulis di bawah subperaturan (2), Pengarah PTSKL hendaklah melantik seorang adjudikator dalam masa lima hari bekerja dan hendaklah memberitahu pihak-pihak dalam pertikaian dan adjudikator secara bertulis.

(4) Adjudikator yang dilantik—

(a) oleh pihak-pihak dalam pertikaian di bawah seksyen 22 Akta; atau

(b) oleh Pengarah PTSKL di bawah seksyen 23 Akta,

hendaklah, pada masa penerimaan pelantikan, membuat suatu perisytiharan secara bertulis menurut seksyen 24 Akta dan mengemukakan perisytiharan itu kepada Pengarah PTSKL.

(5) Perisytiharan di bawah subperaturan (4) hendaklah menyatakan bahawa adjudikator itu tidak mempunyai percanggahan kepentingan berkenaan dengan pelantikannya.

(6) Bagi maksud subperaturan (5), seseorang adjudikator mempunyai percanggahan kepentingan dalam pelantikannya untuk mengadjudikasi suatu pertikaian berkenaan dengan sesuatu kontrak pembinaan jika—

- (a) adjudikator itu ialah—
 - (i) pekerja atau pekongsi mana-mana satu pihak dalam pertikaian; atau
 - (ii) pengarah atau pemegang saham suatu perbadanan, jika pihak dalam pertikaian itu merupakan suatu perbadanan;
- (b) adjudikator itu ialah pekerja, pengarah, pekongsi atau pemegang saham suatu perbadanan yang dimiliki oleh mana-mana satu pihak dalam pertikaian itu;
- (c) mana-mana satu pihak dalam pertikaian itu merupakan anggota keluarga adjudikator itu; atau
- (d) adjudikator itu—
 - (i) telah membantu mana-mana satu pihak dalam pertikaian itu untuk menyediakan apa-apa dokumen; atau
 - (ii) telah memberikan mana-mana satu pihak dalam pertikaian itu apa-apa nasihat,berhubung dengan kontrak pembinaan itu.

(7) Bagi maksud subperaturan (6)—

- (a) “perbadanan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 4(1) Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*];

(b) “anggota keluarga adjudikator” termasuklah—

- (i) suami atau isterinya;
- (ii) ibu atau bapanya (termasuk ibu atau bapa suami atau isterinya);
- (iii) anaknya (termasuk anak angkat atau anak tiri);
- (iv) adik-beradiknya (termasuk adik-beradik suami atau isterinya); dan
- (v) suami atau isteri anaknya atau adik-beradiknya.

Fi standard PTSKL bagi perkhidmatan dan perbelanjaan adjudikator

6. Fi standard PTSKL bagi perkhidmatan dan perbelanjaan adjudikator sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah terpakai jika pihak-pihak dalam pertikaian dan adjudikator tidak bersetuju dengan terma pelantikan dan fi adjudikator itu.

Kos prosiding adjudikasi

7. Bagi maksud subseksyen 18(1) Akta, kuantum kos dalam prosiding adjudikasi yang perlu dibayar oleh mana-mana pihak kepada sesuatu pertikaian hendaklah ditentukan oleh seseorang adjudikator mengikut semua hal keadaan yang relevan termasuk—

- (a) kerumitan tuntutan atau perkara yang berbangkit daripada tuntutan dan kesulitan atau kebaruan isu yang berhubungan dengan tuntutan itu;

- (b) kemahiran, pengetahuan dan tanggungjawab khusus, dan masa dan tenaga yang digunakan oleh, mana-mana pihak kepada pertikaian, perunding, pakar atau wakilnya;
- (c) penyediaan dokumen dalam prosiding adjudikasi itu; dan
- (d) amaun atau nilai tuntutan adjudikasi itu.

Fi dan perbelanjaan adjudikator

8. (1) Bagi maksud seksyen 19 Akta—

- (a) adjudikator yang dilantik di bawah subseksyen 19(1) atau (2) Akta hendaklah mengemukakan kepada Pengarah PTSKL sesalinan terma pelantikannya dan fi yang kena dibayar oleh pihak-pihak dalam pertikaian sebelum permulaan prosiding adjudikasi;
- (b) adjudikator itu hendaklah mengemukakan kepada Pengarah PTSKL sesalinan arahannya kepada pihak-pihak dalam pertikaian untuk menyumbang dan mendeposit dengan Pengarah PTSKL suatu perkadaran fi terlebih dahulu sebagai jaminan termasuk tarikh bayaran yang perlu dibuat oleh pihak-pihak dalam pertikaian;
- (c) adjudikator itu hendaklah mengemukakan kepada Pengarah PTSKL sesalinan arahannya kepada pihak-pihak dalam pertikaian untuk menghendaki bayaran penuh fi dan perbelanjaan yang kena dibayar termasuk tarikh bayaran yang perlu dibuat oleh pihak-pihak dalam pertikaian;
- (d) adjudikator itu boleh mengemukakan kepada Pengarah PTSKL sesalinan arahannya kepada pihak-pihak dalam pertikaian untuk membayar fi dan perbelanjaan jika pihak-pihak dalam pertikaian

tidak membuat apa-apa pembayaran dalam tempoh yang diarahkan oleh adjudikator itu;

(e) adjudikator itu hendaklah memberikan keputusan adjudikasi kepada pihak-pihak dalam pertikaian setelah bayaran penuh fi dan perbelanjaan adjudikator didepositkan dengan Pengarah PTSKL oleh pihak-pihak dalam pertikaian;

(f) adjudikator itu hendaklah memberikan dokumen dan maklumat lain yang berhubungan dengan fi dan perbelanjaan yang kena dibayar oleh pihak-pihak dalam pertikaian sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengarah PTSKL.

(2) Pengarah PTSKL hendaklah—

(a) membayar kepada adjudikator apa-apa fi dan perbelanjaan yang didepositkan oleh pihak-pihak dalam pertikaian setelah menerima sesalanan keputusan adjudikasi dalam tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen 12(2) Akta; dan

(b) membayar balik kepada pihak-pihak dalam pertikaian apa-apa fi dan perbelanjaan yang berhubungan dengan adjudikasi jika adjudikator gagal untuk memutuskan pertikaian dalam tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen 12(2) Akta.

(3) PTSKL hendaklah bertanggungjawab bagi semua pembayaran fi dan perbelanjaan yang didepositkan di bawah seksyen 19 Akta termasuk apa-apa faedah yang diperoleh daripada pembayaran itu dan faedah yang diperoleh itu hendaklah disimpan oleh PTSKL.

JADUAL

[Peraturan 6]

FI STANDARD PTSKL BAGI PERKHIDMATAN DAN PERBELANJAAN ADJUDIKATOR

BAHAGIAN I

FI BAGI PERKHIDMATAN ADJUDIKATOR

Butiran	Amaun dalam pertikaian (RM)	Fi (RM)
1.	50,000 dan ke bawah	2,760
2.	50,001 hingga 150,000	5,760
3.	150,001 hingga 300,000	7,087 + 2.7% daripada lebihan 150,000
4.	300,001 hingga 800,000	11,137 + 1.08% daripada lebihan 300,000
5.	800,001 hingga 1,300,000	16,537 + 1.08% daripada lebihan 800,000
6.	1,300,001 hingga 1,800,000	21,937 + 1.2826% daripada lebihan 1,300,000
7.	1,800,001 hingga 2,300,000	28,350 + 0.3374% daripada lebihan 1,800,000
8.	2,300,001 hingga 2,800,000	30,037 + 0.3376% daripada lebihan 2,300,000
9.	2,800,001 hingga 3,300,000	31,725 + 1.4714% daripada lebihan 2,800,000
10.	3,300,001 hingga 5,000,000	39,082 + 0.54% daripada lebihan 3,300,000

Butiran	Amaun dalam pertikaian (RM)	Fi (RM)
11.	5,000,001 dan ke atas	50,000

Catatan:

Fi bagi perkhidmatan seseorang adjudikator dalam Bahagian I hendaklah termasuk semua cukai yang boleh dikenakan oleh Kerajaan atas fi yang diperoleh oleh seseorang adjudikator.

BAHAGIAN II

PERBELANJAAN ADJUDIKATOR

Butiran	Perihal	Perbelanjaan (RM)			
1. Penginapan/ hotel	Tuntutan yang berikut ialah bagi suatu kawasan lebih daripada 25 km dari rumah: (a) caj hotel dan disokong oleh resit (b) elaun penginapan (c) cukai tambahan berkenaan dengan caj hotel dan disokong oleh resit sebenar	Semenanjung Malaysia		Sabah/Sarawak	
		Hotel (kadar sebenar bagi suatu bilik standard)	400 dan ke bawah	Hotel (kadar sebenar bagi suatu bilik standard)	400 dan ke bawah
		Semenanjung Malaysia		Sabah/Sarawak	
		Penginapan	70	Penginapan	80

Butiran	Perihal	Perbelanjaan (RM)	
2. Elaun makanan	(a) Bagi suatu tempoh lebih daripada 24 jam (b) Bagi suatu tempoh lebih daripada 8 jam tetapi kurang daripada 24 jam	Semenanjung Malaysia	Sabah/Sarawak
		85 42.50	115 57.50
3. Komunikasi	Tuntutan berdasarkan resit sebenar		
4. Dobi/cucian kering/ penseterikaan	Tuntutan disokong dengan resit jika adjudikator tinggal di luar kawasan tidak kurang daripada 3 malam		
5. Pengangkutan melalui udara	(a) Terhadap kepada kelas ekonomi syarikat penerbangan tempatan, pada kadar rendah pada suatu masa tertentu (b) Tuntutan berdasarkan kadar sebenar tambang pergi-balik oleh syarikat penerbangan tempatan		
6. Pengangkutan selain pengangkutan melalui udara	(a) Teksi dari rumah ke lapangan terbang (<i>vice-versa</i>), tol dan fi tempat letak kereta berdasarkan kadar sebenar	Tuntutan perbatuan adalah tertakluk kepada kadar yang berikut: (a) Jarak 500 km pertama — 0.70/km (b) Jarak 501 hingga 1000 km — 0.65/km	

Butiran	Perihal	Perbelanjaan (RM)
	(b) Tuntutan berdasarkan kadar sebenar	(c) Jarak 1001 hingga 1700km — 0.55/km (d) Jarak 1701 km dan seterusnya — 0.50/km

Catatan:

Tuntutan bagi perbelanjaan dalam Bahagian II adalah tertakluk kepada pengemukaan invois atau resit sebenar atau apa-apa keterangan yang boleh diterima kepada pihak-pihak dalam pertikaian atau PTSKL.

Dibuat 14 April 2014
[KKR.PUU.110-1/5/3/1; PN(PU2)720/II]

DATUK HAJI FADILAH BIN YUSOF
Menteri Kerja Raya

CONSTRUCTION INDUSTRY PAYMENT AND ADJUDICATION ACT 2012

CONSTRUCTION INDUSTRY PAYMENT AND ADJUDICATION REGULATIONS 2014

IN exercise of the powers conferred by section 39 of the Construction Industry Payment and Adjudication Act 2012 [Act 746], the Minister, upon considering the recommendation of the Kuala Lumpur Regional Centre of Arbitration (KLRCA), makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Construction Industry Payment and Adjudication Regulations 2014**.

(2) These Regulations come into operation on 15 April 2014.

Responsibility of KLRCA

2. The KLRCA is responsible, in accordance with the policy directions from the Minister charged with the responsibility for legal affairs—

- (a) for maintaining a register of the KLRCA's Panel of Adjudicators;
- (b) for determining the code of conduct for an adjudicator;
- (c) for providing training and conducting examinations for an adjudicator;
- (d) for determining fees for the services and expenses of an adjudicator;
- (e) for receiving and holding any fees and expenses deposited by the parties in dispute on behalf of an adjudicator.

KLRCA's Panel of Adjudicators

3. (1) The KLRCA shall maintain a register of the KLRCA's Panel of Adjudicators.

(2) The KLRCA may remove the name and other particulars of an adjudicator from the KLRCA's Panel of Adjudicators if—

- (a) the adjudicator requests in writing for his name to be removed from the KLRCA's Panel of Adjudicators; or
- (b) the adjudicator ceases to satisfy the competency standard and criteria as an adjudicator as specified in regulation 4.

(3) For the purpose of paragraph (2)(b), the KLRCA shall notify the adjudicator before the name and other particulars of the adjudicator is removed from the KLRCA's Panel of Adjudicators.

Competency standard and criteria of adjudicator

4. The competency standard and criteria of an adjudicator are as follows:

- (a) the adjudicator has working experience of at least seven years in the building and construction industry in Malaysia or any other fields recognized by the KLRCA;
- (b) the adjudicator is a holder of a Certificate in Adjudication from an institution recognized by the Minister;
- (c) the adjudicator is not an undischarged bankrupt; and
- (d) the adjudicator has not been convicted of any criminal offence within or outside Malaysia.

Appointment of adjudicator

5. (1) For the purpose of the appointment of an adjudicator by parties in dispute under section 22 of the Act, the claimant shall notify the adjudicator to be appointed in writing and provide him with a copy of the notice of adjudication.

(2) For the purpose of the appointment of an adjudicator by the Director of the KLRCA under section 23 of the Act, the parties in dispute shall make a written request to the Director of the KLRCA.

(3) Upon receipt of the written request under subregulation (2), the Director of the KLRCA shall appoint an adjudicator within five working days and shall notify the parties in dispute and the adjudicator in writing.

(4) The adjudicator appointed—

(a) by parties in dispute under section 22 of the Act; or

(b) by the Director of the KLRCA under section 23 of the Act,

shall, at the time of the acceptance of appointment, make a declaration in writing pursuant to section 24 of the Act and submit such declaration to the Director of the KLRCA.

(5) The declaration under subregulation (4) shall specify that the adjudicator has no conflict of interest in respect of his appointment.

(6) For the purpose of subregulation (5), an adjudicator has a conflict of interest in his appointment to adjudicate a dispute in respect of a construction contract if—

(a) the adjudicator is—

(i) an employee or partner of either party in dispute; or

(ii) a director or shareholder of a corporation, where the party in the dispute is a corporation;

- (b) the adjudicator is an employee, a director, a partner or shareholder of a corporation owned by either party in the dispute;
 - (c) either party in the dispute is a member of the adjudicator’s family; or
 - (d) the adjudicator—
 - (i) has assisted either party in the dispute to prepare any document; or
 - (ii) has provided either party in the dispute any advice,in relation to the construction contract.
- (7) For the purpose of subregulation (6)—
 - (a) “corporation” has the same meaning assigned to it in subsection 4(1) of the Companies Act 1965 [*Act 125*];
 - (b) “member of the adjudicator’s family” includes—
 - (i) his spouse;
 - (ii) his parent (including a parent of his spouse);
 - (iii) his child (including an adopted child or stepchild);
 - (iv) his brother or sister (including a brother or sister of his spouse); and
 - (v) a spouse of his child, brother or sister.

KLRCA's standard fees for services and expenses of adjudicator

6. The KLRCA's standard fees for the services and expenses of an adjudicator as specified in the Schedule shall apply if the parties in dispute and the adjudicator fail to agree on the terms of appointment and the fees of the adjudicator.

Costs of adjudication proceedings

7. For the purpose of subsection 18(1) of the Act, the quantum of costs in the adjudication proceedings to be paid by any party to a dispute shall be determined by an adjudicator in accordance with all relevant circumstances including—

- (a) the complexity of the claim or matter arises from the claim and the difficulty or novelty of the issues relating to the claim;
- (b) specialized skill, knowledge and responsibility of, and time and labour expended by, any party to the dispute, its consultant, expert or representatives;
- (c) the preparation of documents in the adjudication proceedings; and
- (d) the amount or value of the adjudication claim.

Fees and expenses of adjudicator

8. (1) For the purpose of section 19 of the Act—

- (a) the adjudicator appointed under subsection 19(1) or (2) of the Act shall submit to the Director of the KLRCA a copy of his terms of appointment and fees to be paid by the parties in dispute prior to the commencement of the adjudication proceedings;
- (b) the adjudicator shall submit to the Director of the KLRCA a copy of his direction to the parties in dispute to contribute and deposit with the Director of the KLRCA proportion of fees in advance as

security including the date of payment to be made by the parties in dispute;

- (c)* the adjudicator shall submit to the Director of the KLRCA a copy of his direction to the parties in dispute to require full payment of fees and expenses payable including the date of payment to be made by the parties in dispute;
- (d)* the adjudicator may submit to the Director of the KLRCA a copy of his direction to the parties in dispute to pay the fees and expenses if the parties in dispute fail to make such payment within the period as directed by the adjudicator;
- (e)* the adjudicator shall release the adjudication decision to the parties in dispute upon full payment of the adjudicator's fees and expenses to be deposited with the Director of the KLRCA by the parties in dispute;
- (f)* the adjudicator shall furnish other documents and information relating to the fees and expenses payable by the parties in dispute as may be required by the Director of the KLRCA.

(2) The Director of the KLRCA shall—

- (a)* pay to the adjudicator any fees and expenses deposited by the parties in dispute upon receiving a copy of the adjudication decision within the period specified under subsection 12(2) of the Act; and
- (b)* refund to the parties in dispute any fees and expenses relating to the adjudication if the adjudicator fails to decide the dispute within the period specified under subsection 12(2) of the Act.

(3) The KLRCA shall be responsible for all payment of fees and expenses deposited under section 19 of the Act including any interest earned from such payment and such interest earned shall be retained by the KLRCA.

SCHEDULE

[Regulation 6]

KLRCA'S STANDARD FEES FOR SERVICES AND EXPENSES OF ADJUDICATOR

PART I

FEES FOR THE SERVICES OF AN ADJUDICATOR

Item	Amount in dispute (RM)	Fees (RM)
1.	50,000 and below	2,760
2.	50,001 to 150,000	5,760
3.	150,001 to 300,000	7,087 + 2.7% of excess over 150,000
4.	300,001 to 800,000	11,137 + 1.08% of excess over 300,000
5.	800,001 to 1,300,000	16,537 + 1.08% of excess over 800,000
6.	1,300,001 to 1,800,000	21,937 + 1.2826% of excess over 1,300,000
7.	1,800,001 to 2,300,000	28,350 + 0.3374% of excess over 1,800,000
8.	2,300,001 to 2,800,000	30,037 + 0.3376% of excess over 2,300,000

Item	Amount in dispute (RM)	Fees (RM)
9.	2,800,001 to 3,300,000	31,725 + 1.4714% of excess over 2,800,000
10.	3,300,001 to 5,000,000	39,082 + 0.54% of excess over 3,300,000
11.	5,000,001 and above	50,000

Notes:

The fees for the services of an adjudicator in Part I shall include all taxes as may be imposed by the Government on the fees earned by an adjudicator.

PART II

EXPENSES OF AN ADJUDICATOR

Item	Description	Expenses (RM)			
1. Lodging/ hotel	The following claim is for an area of more than 25 km from home: (a) hotel charges and supported by receipt (b) lodging allowances (c) additional tax related to the hotel charges and supported by actual receipt	Peninsular Malaysia		Sabah/Sarawak	
		Hotel (actual rate for a standard room)	400 and below	Hotel (actual rate for a standard room)	400 and below
		Peninsular Malaysia		Sabah/Sarawak	
		Lodging	70	Lodging	80

Item	Description	Expenses (RM)	
2. Meal allowance	<i>(a)</i> For a period of more than 24 hours	Peninsular Malaysia	Sabah/Sarawak
	<i>(b)</i> For a period of more than 8 hours but less than 24 hours	85 42.50	115 57.50
3. Communication	Claim is based on the actual receipt		
4. Laundry/dry cleaning/ironing	Claim is supported by receipt if the adjudicator stays outside area of not less than 3 nights		
5. Transportation by air	<i>(a)</i> Limited to economy class of local airlines company, at a low rate in a particular time <i>(b)</i> Claim is based on the actual round-trip fare by the local airlines company		
6. Transportation other than transportation by air	<i>(a)</i> A taxi from home to the airport (<i>vice-versa</i>), tolls and parking fees are based on the actual rate <i>(b)</i> Claim is based on the actual rate	Mileage claim is subject to the following rates: <i>(a)</i> Distance first 500 km — 0.70/km <i>(b)</i> Distance 501 to 1000 km — 0.65/km <i>(c)</i> Distance 1001 to 1700km — 0.55/km <i>(d)</i> Distance 1701 km and next —0.50/km	

Notes:

The claim for the expenses in Part II is subject to the submission of actual invoice or receipt or such evidence acceptable to the parties in dispute or the KLRCA.

Made 14 April 2014

[KKR.PUU.110-1/5/3/1; PN(PU2)720/II]

DATUK HAJI FADILAH BIN YUSOF
Minister of Works